



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (KSSR)
PENDIDIKAN ISLAM: ISU DAN CABARAN MENDEPANI
REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

*PRIMARY SCHOOL STANDARD CURRICULUM (KSSR) ISLAMIC EDUCATION:
ISSUES AND CHALLENGES FACING INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0*

Mohd Azam Mahat^{1*}, Mohamad Khairi Haji Othman²

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: m_azam_@ahsgs.uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: m_kairi@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

To cite this document:

Mahat, M. A., & Othman, M. K. (2023). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Kssr) Pendidikan Islam: Isu Dan Cabaran Mendepani Revolusi Industri 4.0. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 309-318.

DOI: 10.35631/IJMOE.517025

Abstrak:

Teknologi dunia sentiasa berkembang pesat. Negara yang gagal mengikuti arus perubahan ini akan dianggap ketinggalan bukan sahaja dari sudut teknologi, ekonomi bahkan dalam bidang pendidikan. Seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang sedang dialami dunia kini, ia telah mengubah lanskap dunia pendidikan. Pendidikan Islam tidak seharusnya ketinggalan dalam mengisi ruang yang terdapat dalam kemajuan teknologi ini terutamanya dalam menyediakan modal insan yang mampu mengendalikan teknologi dengan prinsip dan nilai-nilai Islam. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan impak RI 4.0 dalam pembangunan kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah atau dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Disamping itu, penulisan ini juga turut menyentuh isu dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kurikulum ini. Di akhir penulisan ini akan merungkai tindakan yang perlu diambil untuk memastikan kurikulum Pendidikan Islam sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa.

Kata Kunci:

KSSR, Pendidikan, Islam, Revolusi Industri, RI 4.0

Abstract:

World technology is always developing rapidly. Countries that fail to keep up with the tide of change will be considered lagging not only from the point of

view of technology, economy, even in the field of education. Along with the Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0) that the world is currently experiencing, it has changed the landscape of the education world. Islamic education should not lag behind in filling the space found in the advancement of technology, especially in providing human capital capable of handling technology with Islamic principles and values. This paper will discuss the impact of IR 4.0 in the development of the primary school Islamic Education curriculum or known as the Primary School Standard Curriculum (KSSR). Besides that, this writing also touches on the issues and challenges faced in implementing this curriculum. At the end of this writing will break down the actions that need to be taken to ensure that the Islamic Education curriculum is always relevant and meets current needs.

Keywords:

KSSR, Islamic, Education, Industrial Revolution, IR 4.0

Pengenalan

Kurikulum merupakan hala tuju atau matlamat utama pendidikan dalam sesebuah negara. Istilah kurikulum berasal daripada perkataan Latin iaitu *currere* yang seterusnya ditukarkan ke Bahasa Inggeris sebagai *curriculum* yang merujuk kepada kursus atau lingkaran pengajaran yang melibatkan guru dan murid (Hamzah et al., 2017). Kurikulum akan sentiasa mengalami perubahan bagi memenuhi keperluan semasa. Kurikulum pendidikan di Malaysia turut mengalami perubahan atau disebut sebagai transformasi kurikulum dengan menjadikan negara-negara maju sebagai penanda aras agar kurikulum Malaysia setanding dengan pendidikan di peringkat global disamping mengekalkan ciri-ciri unik Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan kaum (Jamaluddin, 2011).

Ketika dunia mengalami RI 4.0, Malaysia turut memperkenalkan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara. Melalui Dasar ini, bidang pendidikan merupakan salah satu sektor utama di bawah Dasar 4IR Negara. Antara matlamat yang ditetapkan ialah dengan mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan dan set kemahiran berkaitan 4IR melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Unit Perancang Ekonomi, 2021). Usaha ke arah melahirkan modal insan yang memenuhi tuntutan RI 4.0 ini turut berkait rapat dengan inovasi dalam bidang pendidikan. Proses pembelajaran perlu lebih inovatif dengan memanfaatkan elemen digitalisasi bagi memenuhi tuntutan teknologi masa kini. Menurut Mohamad (2020) antara cabaran negara dalam menghadapi RI 4.0 ialah untuk memastikan guru dan pelajar mengubah corak pengajaran dengan menerapkan elemen digitalisasi.

Dalam memastikan bidang pendidikan mampu menyediakan modal insan seiring keperluan RI 4.0, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah baik kurikulum sedia ada dengan melakukan semakan kurikulum pada tahun 2017 atau dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan Tahun 2017. Semakan semula ini dilakukan untuk memenuhi dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Melalui kurikulum ini, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan memberi fokus kepada pendekatan inkuiri dan pembelajaran berasas Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21). Semakan kurikulum ini

berlaku kepada semua mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam. KSSR Pendidikan Islam digubal secara kursus bagi melahirkan generasi yang mampu mengintergrasikan tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah serta menjadi modal insan yang memahami, mengamal dan menghayati Islam secara keseluruhan dan berperanan sebagai khalifah Allah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran terhadap pelaksanaan kurikulum KSSR Pendidikan Islam bagi mendepani RI 4.0.

Penyataan Masalah

Perubahan masyarakat dunia sama ada dari sudut politik, ekonomi, kemajuan dalam bidang sains, teknologi, sosial dan budaya akan memberi kesan terhadap pendidikan secara khusus. Apabila keadaan ini terjadi, maka ia menuntut kepada perubahan atau transformasi kurikulum agar pendidikan sesebuah negara itu tidak ketinggalan. Melihat kepada gelombang kemajuan teknologi yang pesat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6 / 2008 telah mengusulkan agar dilakukan transformasi kurikulum sedia ada ketika itu lalu memperkenalkan satu kurikulum baharu yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) untuk dilaksanakan mulai tahun 2011 sehingga tahun 2016, manakala pada tahun 2017, penambahbaikan dilakukan dengan memperkenalkan KSSR Semakan yang dilaksanakan secara berperingkat (Ling & Wah, 2015).

Penekanan KSSR Semakan 2017 adalah untuk memastikan modal insan yang dihasilkan nanti mampu menenuhi keperluan industri. Menurut Mohamed et al. (2019), pembangunan kurikulum KSSR tidak dapat tidak perlu memenuhi kehendak dan berubah seiring RI 4.0. Ia dapat dilihat melalui KSSR Semakan 2017, di mana elemen Kemahiran Abad Ke-21, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Menaakul dimasukkan secara eksplisit dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Selain itu, kaedah pengajaran guru juga turut mengalami perubahan dalam memastikan hasrat yang terkandung dalam kurikulum ini tercapai. Menurut Rajikal & Hamzah (2020), guru perlu melakukan perubahan dalam kaedah pengajaran mereka kepada Pengajaran Abad Ke-21 kerana ia merupakan pendekatan yang sesuai sejajar dengan tuntutan masa kini.

Perkembangan teknologi ini turut memberi ancaman yang besar sekiranya gagal dimanfaatkan dengan baik. Perkembangan teknologi dan RI 4.0 juga memberi kesan negatif jika kurikulum Pendidikan Islam tidak menyahut cabaran ini. Kanak-kanak perlu dididik dengan pembentukan akhlak dan ajaran Islam kerana generasi masa kini lebih pantas mencari pengetahuan melalui kemajuan teknologi. Menurut Taher & Bakar (2021), disamping kemajuan teknologi masa kini yang boleh digunakan dalam bidang pendidikan, ia juga turut memberi kesan negatif. Lambakan maklumat yang tidak sahih mampu mengancam ideologi dan akidah para pelajar jika tidak dibendung dengan baik. RI 4.0 menjadikan cabaran akidah dan sosial umat Islam semakin besar dengan maklumat yang boleh diakses tanpa sempadan, bahkan generasi masa kini sangat mahir menggunakan pelbagai gajet dan alatan teknologi komunikasi (Aziz & Makhsin, 2021; Fariddudin et al., 2022). RI 4.0 memerlukan para guru Pendidikan Islam melakukan perubahan seiring dengan perubahan kurikulum. Kegagalan memanfaatkan peluang ini akan menyebabkan Pendidikan Islam akan dipinggirkan dan kesannya modal insan yang terhasil melalui kurikulum ini tidak berjaya memanfaatkan teknologi dengan nilai-nilai Islam. RI 4.0 memerlukan guru Pendidikan Islam khususnya lebih kreatif dan inovatif dalam memanfaatkan teknologi dalam pendidikan, jika tidak para pelajar akan beranggapa bahawa Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang hanya perlu dihafal dan membosankan (Anuar & Razak, 2022). Menurut Ishak et al. (2018), guru Pendidikan Islam perlu bersiap sedia

menghadapi cabaran RI 4.0 supaya generasi yang dihasilkan nanti menjadi generasi yang kuat pegangan akidah dan tidak hanyut oleh arus kemodenan.

Dapatlah difahami bahawa wujudnya isu dan cabaran dalam memenuhi keperluan RI 4.0 ini. Kurikulum yang digubal perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, masalah yang timbul perlu dikenal pasti supaya penambahbaikan terhadap kurikulum ini dapat dibuat di masa hadapan.

Tinjauan Literasi

Revolusi Industri

Istilah Revolusi Industri diperkenalkan oleh Friedrich Engels dan Louis Auguste Blanqui di pertengahan abad ke-19 (Suwardana, 2018). Revolusi Industri berkait rapat dengan penggunaan teknologi, pengawalan maklumat dan alatan yang mampu memudahkan urusan seharian (Ishak et al., 2018). Sehingga kini, telah berlaku empat fasa Revolusi Industri. RI 1.0 berlaku pada tahun 1784 seiring dengan penggunaan teknologi kuasa hidro, enjin wap dan penghasilan enjin. Ia diikuti RI 2.0 pada tahun 1870, di mana ketika itu, penjaan kuasa elektrik digunakan secara meluas dalam industri. RI 3.0 pula ditandai dengan penggunaan komputer pada tahun 1969, dan kini RI 4.0 pula merujuk kepada revolusi digital dalam urusan seharian (Khalil et al., 2020; Mohamad, 2020)

Konsep RI 4.0 telah diperkenalkan oleh Jerman pada tahun 2011 melalui sebuah artikel yang menjelaskan sebuah strategi penggunaan teknologi tinggi dalam menguruskan sektor pembuatan dan pengeluaran yang lebih digital, fleksibel dan selamat pada tahun 2020 (Mohamad, 2020). Klaus Schwab menyatakan bahawa RI 4.0 bermula dengan kemunculan supercomputer, robotik dan kenderaan yang bergerak tanpa pemandu, di mana penggunaan teknologi digital digunakan secara optimum dalam beberapa urusan seharian manusia termasuk dunia fizikal, biologikal sehingga mewujudkan pelbagai lagi teknologi baharu (Tawil & Akar, 2021). Menurut Razali et al. (2020), kemajuan teknologi dalam RI 4.0 ini merangkumi pelbagai jenis teknologi canggih seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligent*), Robotik Autonomi (*Autonomous Robot*), *Digital Twin*, Teknologi Awan (*Cloud Computing*), Industri Teknologi Peranti Pintar (*Internet of Things - IOT*), Integrasi Sistem, Sekuriti Siber (*Cyber Security*), Pembuatan Additif (Percetakan Reality), Realiti Maya (*Augmented Reality*) dan Analisa data Besar (*Big Data*). Revolusi Industri ini turut memberi kesan terhadap dunia pendidikan, terutama dalam menyediakan modal insan yang akan memainkan peranan menguruskan teknologi. Kesan daripada RI 4.0 membentuk konsep Pendidikan 4.0 (Taheer & Bakar, 2021). Tiga kemahiran utama yang ingin dibentuk melalui Pendidikan 4.0 ini ialah kemahiran penyelesaian masalah, kolaboratif dan kebolehsesuaian sebagai persediaan penghasilan modal insan melalui pendidikan (World Economic Forum, 2023). Secara tuntasnya, Revolusi Industri bolehlah dianggap sebagai tahap perkembangan kemajuan manusia menggunakan teknologi dalam urusan kehidupan seharian mereka. Tahap ini juga mencerminkan bentuk ekonomi yang mempengaruhi dunia ketika itu.

KSSR Pendidikan Islam

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam mula diperkenalkan pada tahun 2011. Pada tahun 2017, kurikulum ini melalui fasa penambahbaikan apabila KSSR Semakan diperkenalkan seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2016 (Khory et al., 2021). Perubahan atau penambahbaikan ini bukanlah kali pertama

dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selepas mencapai kemerdekaan, Malaysia menggunakan kurikulum yang dikenali sebagai Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) hasil daripada Akta Pelajaran 1961 (Jadi, 1991). Penumpuan kurikulum Pendidikan Islam ketika itu lebih kepada penyampaian maklumat dan ilmu tentang agama Islam dengan penekanan terhadap aspek hafalan dan berpusatkan guru. Setelah itu pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan dan mata pelajaran Pendidikan Islam telah dijadikan mata pelajaran yang wajib diambil oleh murid beragama Islam (Nor & Othman, 2011). Pada tahun 1993, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkukuhkan lagi pengajaran agama Islam di sekolah dengan melancarkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bagi menggantikan KBSR sebelumnya.

Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif untuk memperbaharui kurikulum pendidikan di Malaysia dengan melancarkan KSSR, yang mana turut termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam dibangunkan secara *Standard Based Curriculum*. Standard kandungan yang dibangunkan memberi penekanan kepada keperluan, kepentingan dan kebolehan yang paling tinggi dapat dicapai oleh murid dalam mengaplikasikan ilmu dan melakukan perubahan tingkahlaku melalui penghayatan ilmu dalam interaksi guru dan murid. Manakala pada tahun 2017, KSSR Semakan dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tahun satu. KSSR Semakan merupakan penambahbaikan dari aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran yang bermatlamatkan untuk memastikan murid dapat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang memenuhi keperluan menghadapi cabaran abad ke-21 (Khory et al., 2021). Dapatlah difahami bahawa kurikulum Pendidikan Islam melalui beberapa perubahan seiring peredaran zaman. Ia bagi memastikan agar Pendidikan Islam tidak ketinggalan dan memenuhi aspek keperluan semasa. Hasrat ini seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk menghasilkan generasi yang seimbang pencapaian intelektual, rohani, emosi dan jasmani. Generasi yang ingin dihasilkan melalui kurikulum Pendidikan Islam ini bukan sahaja memiliki keimanan yang teguh, tetapi turut berperanan sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah sorotan kepustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji.

Dapatan Kajian

Isu Pelaksanaan KSSR Pendidikan Islam Dalam Mendepani RI 4.0

Pendidikan Islam dalam kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) harus mengalami penyesuaian dengan RI 4.0 yang semakin berkembang pesat. Namun sudah pasti terdapatnya isu dan cabaran sepanjang proses penyesuaian tersebut yang perlu dihadapi dan ditangani. Menurut Rashed et al. (2020), RI 4.0 telah menyebabkan pendekatan kurikulum Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan kehendak global. Antara isu yang dihadapi adalah bagaimana untuk memperkenalkan teknologi dalam pembelajaran Pendidikan Islam tanpa mengurangkan keaslian nilai-nilai Islam. Sebagai contoh dalam pembelajaran Bidang Tilawah al-Quran yang dibahagikan kepada tilawah, hafazan, tajwid, kefahaman dan hadith. Jika sebelum ini kebiasaannya ia diajar secara tradisional seperti menggunakan kaedah talaqi dan musyafahah dan ia bertujuan supaya murid dapat mengikuti bacaan yang tepat, ditegur terus oleh guru

sekiranya bacaannya silap, disamping membentuk adab membaca al-Quran dan abad berguru. Dengan penggunaan teknologi dibimbangi nilai-nilai ini tidak dapat diteruskan dan ditinggalkan sedikit demi sedikit.

Begitu juga dalam bidang Ibadah, contoh dan situasi juga perlu disesuaikan dengan peredaran zaman. Penggunaan kulit kayu, daun dan batu sebagai alat istinjaq perlu disesuaikan dengan kemudahan masa kini seperti penggunaan tisu, tisu basah dan sebagainya. Menentukan arah kiblat, selain menggetengahkan penggunaan arah matahari, penggunaan kompas, aplikasi dalam telefon juga perlu diterangkan. Begitu juga dalam ukuran seperti secupak, dua marhalah, dua kolah dan pelbagai istilah lagi juga perlu disesuaikan dengan keadaan semasa. Begitu juga dalam bab ibadah solat, puasa, zakat dan haji perlu diberikan contoh yang sesuai dengan keadaan semasa. Ibadah puasa misalnya, dengan mengemukakan fakta kelebihan berpuasa menurut sains perlu ditonjolkan disamping penekanan bahawa ia merupakan ibadah yang wajib dilakukan. Manakala dalam bab adab, ia menjadi semakin mencabar dan meluas. Sebagai contoh, dengan adanya media sosial sebagai medium generasi masa kini berhubung, maka mereka seharusnya didedahkan dengan adab-adab berkomunikasi di media sosial.

Begitu juga dengan adab berjual beli juga perlu disesuaikan dengan keadaan sekarang iaitu berjual beli secara dalam talian. Selain itu, isu perlunya melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk pasaran kerja masa depan melalui pembelajaran Pendidikan Islam. Pembangunan teknologi yang pesat telah mencipta pekerjaan dan industri baru, dan pelajar perlu dilatih dalam kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk berjaya dalam bidang-bidang baru ini. Ini bermakna bahawa pendidikan Islam perlu melampaui pengajaran pengetahuan agama tradisional dan dilaksanakan secara bersepadu dengan mata pelajaran lain seperti sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM). Pelajar perlu diberikan kefahaman bahawa Islam itu merentasi semua bidang, bukannya sekadar ibadah khusus semata-mata. Menurut Badhrulhisham et al. (2019), masyarakat Islam tidak seharusnya terus terkongkong dalam persekitaran yang sama ia akan menjadikan mereka ketinggalan dalam segala bidang, mereka perlu melakukan perubahan seiring kemajuan teknologi masa kini. Justeru itu, isu-isu utama yang perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan KSSR pendidikan islam dalam mendepani RI 4.0 ialah bagaimana untuk mengekalkan nilai-nilai Islam disamping memperkenalkan teknologi kepada pelajar disamping isu menjadikan pendidikan Islam bersepadu dengan mata pelajaran lain seperti Sains, Teknologi dan Matematik.

Cabaran Pelaksanaan Kssr Pendidikan Islam Dalam Mendepani RI 4.0

Cabaran pelaksanaan KSSR Pendidikan Islam dalam mendepani RI 4.0 boleh dibahagikan kepada tiga iaitu cabaran kepada murid, cabaran kepada guru Pendidikan Islam dan cabaran kepada kemudahan prasarana.

Cabaran Kepada Murid

Cabaran pertama yang dihadapi oleh murid ialah pengaruh media sosial. Kemajuan teknologi dan penyebaran media sosial telah memudahkan akses kepada maklumat dan pengetahuan Islam. Generasi masa kini sangat rapat dengan penggunaan gajet dan internet. Hal ini memudahkan mereka untuk mendapatkan pelbagai maklumat termasuklah hal yang berkaitan Pendidikan Islam. Namun, pengaruh negatif seperti penyebaran maklumat tidak sah dan kontroversial juga boleh merosakkan pemahaman Islam yang tepat. Menurut Fariddudin et al. (2022), ajaran sesat dan fahaman salah juga menggunakan platform ini untuk menyebarkan fahaman mereka. Cabaran kedua pula ialah memelihara keaslian nilai-nilai Islam. Dalam

mengintegrasikan teknologi ke dalam pengajaran Islam, penting untuk memastikan keaslian nilai-nilai Islam dan mengelakkan pengaruh budaya asing yang tidak sesuai seperti pergaulan bebas walaupun secara dalam talian. Adalah sangat membimbangkan ketika ini, manusia bebas menjalinkan hubungan dengan sesiapa sahaja tanpa batasan. Cabaran ketiga ialah kurangnya pengawasan dan motivasi yang boleh mendorong murid. Sebagai contoh dalam pembelajaran secara dalam talian sebagai salah satu bentuk kemudahan pembelajaran di era RI 4.0 ini, ia turut memberi cabaran dalam membimbing murid yang mungkin menghadapi masalah aksesibiliti atau kekurangan pengawasan yang dapat mempengaruhi tahap pemahaman dan motivasi mereka. Ini terbukti semasa Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) yang telah dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di Malaysia baru-baru ini (Ahmad Saifudin & Hamzah, 2021). Cabaran keempat ialah kegagalan penggunaan teknologi. Seperti mana yang kita sedia maklum, tidak semua pelajar mampu memiliki peralatan serta mahir dengan penggunaan teknologi. Penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam boleh menjadi sukar untuk murid yang kurang terbiasa dengan teknologi. Kejayaan penggunaan teknologi bergantung kepada kemampuan murid untuk memiliki, mengendalikan dan mengaplikasikan teknologi dengan efektif (Mahalingam & Jamaludin, 2021).

Cabaran Kepada Guru

Cabaran ini tidak sahaja berlaku kepada murid, ia turut berlaku kepada guru sebagai pelaksanaan kurikulum KSSR Pendidikan Islam dalam mendepani cabaran RI 4.0. Cabaran pertama yang dihadapi ialah perlunya peningkatan kemahiran teknologi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Guru perlu mempunyai kemahiran teknologi yang mencukupi untuk mengendalikan dan mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran Islam. Ini termasuk kemahiran seperti penggunaan perisian pengajaran, pembelajaran dalam talian, dan penggunaan peranti pintar. Menurut Batan dan Jamaludin (2022), guru perlu mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran ini, dan ia merupakan cabaran terbesar terutamanya kepada guru yang telah berusia. Cabaran kedua pula ialah bagaimana untuk meningkatkan kemahiran pengajaran Islam yang berasaskan kemahiran. RI 4.0 mendorong pengajaran berasaskan kemahiran, yang memerlukan peningkatan kemahiran guru dalam mengajar dan menilai kemahiran seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kepimpinan atau dikenali sebagai Pendidikan Abad Ke-21. Guru Pendidikan Islam perlu memastikan bahawa pengajaran mereka mencakupi semua kemahiran ini. Menjadi cabaran buat guru untuk menukarkan kebiasaan pengajaran mereka kepada Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) ini. Untuk itu, guru perlu kreatif dan inovatif dalam merancang pengajaran mereka (Awi & Zulkifli, 2021). Cabaran ketiga pula ialah kekurangan bahan rujukan. Teknologi masa kini sering dikaitkan dengan mata pelajaran Sains, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan kurang dikaitkan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, bahan rujukan yang berkaitan dengan pengajaran Islam yang berfokus pada teknologi adalah sangat kurang untuk didapati dan ini memberi cabaran kepada guru Pendidikan Islam. Guru perlu mengumpul dan menyusun bahan rujukan yang sesuai dan berkualiti bagi membantu pengajaran mereka. Manakala cabaran yang keempat pula ialah cabaran dalam menggunakan media sosial. Guru perlu mengambil kira penggunaan media sosial dalam pengajaran Pendidikan Islam. Lambakan maklumat yang tidak sah menyebabkan guru juga perlu memilih bahan yang sesuai dan menjaga keaslian nilai-nilai Islam apabila menggunakan media sosial dalam pengajaran mereka. Menurut Taher & Bakar (2021), Guru Pendidikan Islam perlu bijak memilih sebelum berkongsi apa-apa bahan termasuklah memastikan ia bersesuaian dengan murid. Selain itu, peluang ini juga perlu

diisikan dengan para guru Pendidikan Islam menghasilkan pelbagai bahan rujukan di media sosial agar lebih banyak kandungan yang positif di media sosial.

Cabaran Kepada Penyediaan Kemudahan Prasarana

Dalam mengikuti arus perubahan pendidikan berteraskan RI 4.0, kemampuan menyediakan kemudahan prasarana juga adalah sangat penting untuk diberikan perhatian. Antara cabaran dalam menyediakan prasarana ini ialah dari aspek ketersediaan dan aksesibiliti teknologi. Kemudahan prasarana dan teknologi yang mencukupi perlu disediakan untuk membolehkan penggunaan teknologi dalam pengajaran Pendidikan Islam. Ini termasuk komputer dan perisian pengajaran, peranti pintar, dan akses internet yang stabil dan laju. Semasa Pendemik Covid-19 yang lalu, isu kemudahan prasarana ini menjadi keluhan semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan pelajar (Abdullah et al., 2021). Cabaran kedua ialah cabaran dalam kemampuan untuk menguruskan data. Dengan kemunculan teknologi, data menjadi aset penting dalam pengajaran Pendidikan Islam. Kemudahan prasarana perlu disediakan untuk menguruskan data secara efektif dan efisien, termasuk penggunaan perisian pengurusan data dan pelaksanaan tatacara pentadbiran yang betul. Cabaran ketiga ialah peningkatan keperluan tenaga pengajar yang mahir. Menurut Yee dan Mohamed (2021), para guru perlu diberikan latihan untuk mengintegrasikan teknologi dalam pendidikan. Dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam pengajaran Pendidikan Islam, ia perlu kepada bengkel dan latihan dalam memastikan guru Pendidikan Islam mendapat latihan yang sepatutnya. Oleh itu, ia tidak dapat lari daripada isu dalam menyediakan kemudahan prasarana untuk melatih guru dalam kemahiran teknologi, termasuk program latihan dan sumber rujukan yang sesuai. Manakala cabaran terakhir ialah dalam menyediakan rangkaian internet yang stabil dan laju. Penggunaan teknologi dalam pengajaran Islam memerlukan akses internet yang stabil dan laju. Kemudahan prasarana perlu disediakan untuk memastikan ketersediaan rangkaian internet yang mencukupi dan kualiti yang memadai. Termasuk dalam cabaran ini juga ialah menyediakan rangkaian internet yang murah dan mampu dimiliki oleh golongan kurang berkemampuan (Yahaya & Adnan, 2021).

Kesimpulan

Perubahan teknologi akan sentiasa berlaku dan ia turut memberi kesan terhadap pelaksanaan Pendidikan Islam. Kurikulum Pendidikan Islam merupakan penetapan hala taju yang sangat penting dalam menentukan bentuk generasi yang ingin dihasilkan nanti. Kurikulum Pendidikan Islam seharusnya mampu mengisi ruang-ruang kosong teknologi dengan menyediakan modal insan yang mempunyai keimanan dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka. Tindakan segera perlu dilakukan dengan melakukan penambahbaikan terhadap beberapa perkara seperti menyesuaikan kandungan kurikulum dengan situasi semasa, mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam pengajaran serta pengajaran bersepadu antara Pendidikan Islam dengan mata pelajaran yang lain.

Dari aspek cabaran pula, guru perlu diberikan bimbingan dan latihan berkaitan pengaplikasian teknologi dalam pendidikan. Ini termasuk guru dibimbing dalam menyediakan bahan serta menapis maklumat yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga dicadangkan agar menyediakan bahan-bahan rujukan yang berkaitan serta memastikan kemudahan prasarana sentiasa ditambah baik. Setelah guru diberikan bimbingan sewajarnya, ia memudahkan dalam pelaksanaan Pendidikan Islam mendepani RI 4.0 di peringkat sekolah. Murid akan dibimbing dan diberikan latihan seperti yang diharapkan melalui kurikulum KSSR ini. Di mana, menjadi harapan agar mereka mampu

menjadi modal insan yang akan mengendalikan teknologi masa hadapan dengan nilai-nilai Islam.

Penghargaan

Penulis merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada *Academy of Contemporary Islamic Studies* (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) di atas kepercayaan yang diberikan untuk membentangkan idea asal makalah ini di persidangan KONSEP 2023.

Rujukan

- Abdullah, N. M. S. N., Ali, R., Yahya, N. N., & Isa, R. A. M. (2021). Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya Dan Kesediaan Murid Pasca Covid 19. *Sains Insani*, 6(2), 206–213.
- Ahmad Saifudin, N. H., & Hamzah, M. I. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah (Challenges in Implementing Home Teaching and Learning (PdPR) among Primary School Students). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250–264.
- Anuar, A. S., & Razak, K. A. (2022). Penggunaan “Augmented Reality” di dalam pengajaran sirah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education ARISE*, 2(2), 56–67.
- Awi, N. A. L., & Zulkifli, H. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 40–54.
- Aziz, M. F., & Makhsin, M. (2021). The Influence of Social Media on Student Moral Performance. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(42), 74–82.
- Badhrullisham, A., Johar, M. H. M., & Rashid, T. A. (2019). Mendepani Cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dalam Konteks Mahasiswa: Analisis Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Ilmi*, 0(9), 90–101.
- Batan, A. N., & Jamaludin, K. (2022). Cabaran Mengaplikasi Kaedah E-Pembelajaran di Sekolah Luar Bandar Semasa Pandemik Covid-19: Dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 1–15.
- Fariddudin, S. N. F. M., Hambali, K. M. K. @, & Rahman, S. M. H. S. A. (2022). Cabaran Pendidikan Akidah dan Akhlak Anak Era Revolusi Perindustrian 4 . 0 di Nusantara serta Solusi Menurut Sarjana Muslim Challenges of Children’s Faith and Morals of the Industry Revolution 4 . 0 Era in Nusantara and The Solutions according to the Mu. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 9(2), 47–60.
- Hamzah, R., Othman, Z., Hussiin, H., Ali, Z., & Abdullah, N. Q. (2017). Pembangunan Model Penilaian Kurikulum Berteraskan Nilai Universal bagi Program Pendidikan Berasaskan Teknologi & Kejuruteraan : Satu Kerangka Konseptual. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 50–61.
- Ishak, M., Abdullah, H., Mohamed, Y., & Ahmad, S. (2018). Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0: Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, November 2020*, 729–738.
- Jadi, H. M. (1991). Reformasi Kurikulum Di Malaysia: Satu Pandangan Ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaanya. *Pendidikan Dan Pendidikan*, 11, 1–15.

- Jamaluddin, M. K. A. M. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia : Dasar , Cabaran , dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*, 4(1), 33–48.
- Khalil, A. A., Othman, M. K. H., & Saidon, M. K. (2020). Memacu pendidikan di era revolusi industri 4.0: penerapan nilai-nilai Islam dan inovasi dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi. *Islāmiyyāt*, 42(Isu Khas), 13–20.
- Khory, H. H. M., Rahman, M. N. A., & Zailani, M. A. (2021). Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Arab Berasaskan Keperluan Pembelajaran Murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(2), 41–57.
- Ling, T. Y., & Wah, L. L. (2015). Profil Tahap Keprihatinan Guru Terhadap Inovasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Kssr) Berdasarkan Model Concern-Based Adoption Model (Cbam). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(3), 1–21.
- Mahalingam, N., & Jamaludin, K. A. (2021). Impak Dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Impact And Challenges Of Implementation Current Online Teaching And Learning Movement Control Order). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 104–115.
- Mohamad, S. (2020). *Revolusi Industri 4.0 : Cabaran dan Peluang*. Terengganu Strategic & Intergity Institute (TSIS).
- Mohamed, N. A. @, Johari, N., Mohd, T., & Senawi, A. (2019). Readiness Aspects in Education Sector To Succeed in Industry 4.0 (Ir 4.0): a Review. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(November), 38–47.
- Nor, M. R. M., & Othman, W. M. T. W. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. *Jurnal At-Ta'dib*, 6(1), 60–78.
- Rajikal, W., & Hamzah, M. I. (2020). KAJIAN SISTEMATIK PENGAJARAN ABAD KE-21 (PAK21) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM (GPI) (Systematic Review of 21st Century Teaching Among Islamic Education Teachers). *Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 103–113.
- Rashed, Z. N., Hamzah, H., Zakaria, N. S., & Sani, K. (2020). Cabaran dan strategi pengajaran guru Pendidikan Islam di era revolusi 4.0. *Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 72–93.
- Razali, A., Ani, F., & Tohar, S. N. A. M. (2020). Cabaran Masyarakat Hari Ini Malaysia Dalam Menghadapi Perubahan Sosial Dan Revolusi Industri 4.0. In *Mendepani Perubahan Sosial Dalam Era Revolusi Industri 4.0* (pp. 1–30). Penerbit UTHM.
- Suwardana, H. (2018). Revolusi Jurnal 4.0 Berbasis Revolusi Mental. *Jurnal JATI UNIK*, 1(2), 109–118.
- Taher, F. I. M., & Bakar, F. H. A. (2021). Pendidikan Digital Era RI 4.0 Dalam Pendidikan Islam. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSAL 2021)*, APRIL, 436–451.
- Tawil, S. F. M., & Akar, C. (2021). Teknologi Revolusi Industri 4.0 Untuk Kesejahteraan Ummah: Menyingkap Perspektif Rasail Nur. *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) 2021, October*, 6–7.
- Unit Perancang Ekonomi. (2021). Dasar Revolusi Perindustrian Ke Empat (4IR) Negara. In *Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri*.
- Yahaya, M., & Adnan, H. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11–20.
- Yee, C. Le, & Mohamed, S. (2021). Kemahiran Guru dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 3(2), 44–53.

